

Malaysia gesa Trump kekal teguh galak keamanan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump terus menumpukan usaha merintis keamanan di dunia khususnya di Gaza.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi ASEAN berkata, Trump sudah memainkan peranan penting dalam memastikan keamanan dapat dicapai di wilayah Palestin itu, khususnya menerusi pelan damai yang digagaskan pentadbirannya bersama beberapa negara sebelum ini.

“Kepada Presiden (Trump) atas usahanya untuk memastikan keamanan di banyak bahagian dunia, termasuk Gaza dan berharap beliau untuk kekal fokus dan memastikan ada keamanan yang menyeluruh, seperti mana yang dunia perlukan.

“Saya benar-benar gembira untuk mendengar daripada anda secara peribadi akan tekad presiden untuk memastikan keamanan dapat dicapai di kawasan yang paling sukar, paling mustahil itu (Gaza, namun ia) semakin hampir,” katanya.

Anwar berkata demikian berucap pada Majlis Pemeteraian Perjanjian Pelan Damai Kuala Lumpur antara Kemboja dan Thailand di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Terdahulu dalam ucapan aluannya, Trump akui ramai pihak menanti pengakhiran kepada konflik panjang di Asia Barat khususnya di Semenanjung Gaza.

“Kita ada satu lagi situasi di Asia Barat dan Gaza. Anda mungkin pernah membaca sedikit tentang Gaza. Itu (pelan damai) satu lagi yang kami sangat banggakan. Namun, ramai orang yang sedang memerhatikannya,” katanya.

Trump juga berkata, di bawah pentadbirannya, AS berjaya menamatkan lapan perang dalam tempoh lapan bulan.

“Jadi, seperti yang anda tahu, ini (perang di Gaza) salah satu daripada lapan perang yang pentadbiran saya tamatkan dalam tempoh hanya lapan bulan atau purata satu setiap bulan.

“Hanya tinggal satu, walaupun kedengaran bahawa (konflik) Pakistan dan Afghanistan sudah bermula, tetapi saya akan selesaikan itu dengan sangat cepat. Saya kenal kedua-duanya (pemimpin),” katanya.